

BN yakin menang lebih besar

Oleh Manja Ismail, Rosmin Darus, Izman Ismail dan Naim Tahir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Umno sudah bersedia menghadapi pilihan raya umum dan yakin Barisan Nasional (BN) mampu mencatat kemenangan lebih besar kali ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, berdasarkan prestasi cemerlang kerajaan sekarang, tidak ada sebab BN tidak boleh mencatat pencapaian lebih baik daripada kemenangan majoriti dua pertiganya dalam pilihan raya umum 1990.

"Malah, satu kajian yang dijalankan oleh Umno menunjukkan lebih 50 peratus pengundi di beberapa kawasan ialah ahli Umno. Ini diperkuatkan lagi dengan parti-parti komponen BN yang sudah cukup bersedia untuk menghadapi pilihan raya.

"Melainkan rakyat tidak nampak kebaikan yang telah kita buat sedangkan dunia nampak, barulah prestasi kita berkurang," katanya menjawab soalan pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN berkata, keyakinan itu juga berdasarkan hakikat bahawa parti-parti pembangkang lebih banyak membuat

bising daripada melaksanakan projek yang berfaedah kepada rakyat.

"Kalau kita perhati parti lawan, tiada satu apa pun yang dia buat kecuali cari isu walaupun benda lama yang dia tidak pernah sokong dahulu pun, dia sokong sekarang," katanya.

Menurut Perdana Menteri, sikap pembangkang bertindak demikian hanya mahu mempolitikkan isu semata-mata, bukannya berjuang untuk rakyat.

Sehubungan itu, katanya, rakyat harus sedar bahawa tujuan parti-parti pembangkang memperjuangkan sesuatu isu bukanlah untuk membelah nasib mereka tetapi hanya mahu mencari kelebihan politik.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, Umno mempunyai strategi menghadapi kerendah parti pembangkang itu dan mesyuarat MT hari ini turut membincangkan perkara itu serta persiapan menghadapi keputusan berhubung tarikh pilihan raya dibuat.

Mesyuarat MT juga membincangkan persiapan perhimpunan agung Umno pertengahan bulan ini. Bagaimanapun, beliau enggan mengulas mengenai senarai calon Umno kerana ia adalah soal dalaman parti.